

12 MAC 2018

Pelajar 13, 14 tahun miliki dadah

Polis rampas heroin, syabu daripada dua remaja lelaki dalam sekatan di Bukit Mertajam

Pelajar 13, 14 tahun miliki dadah

BUKIT MERTA JAM - Dua pelajar lelaki ditahan bersama dadah jenis heroin dan syabu bernilai RM500 dalam sekatan di Taman Seri Impian Alma di sini Jumaat lepas.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Asisten Komisioner Nik Ros Azhan Nik Abdul Hamid berkata, dalam sekatan pada pukul 5.30 petang itu, pelajar berusia 13 dan 14 tahun itu ditahan selepas polis ternampak dua remaja itu dalam keadaan mencurigakan.

"Pemeriksaan ke atas mereka menemui satu bekas aluminium yang mengandungi dua bungkusan plastik lut sinar berisi heroin dan satu

bungkusan plastik syabu.

"Bekas aluminium itu ditemui di dalam poket seorang daripada pelajar yang ditahan itu manakala pemeriksaan dalam poket seorang lagi pelajar menjumpai satu bungkusan plastik lut sinar dadah syabu," katanya di sini semalam.

Menurut beliau, seorang daripada pelajar itu positif dadah dan mereka kini direman untuk siasatan lanjut serta kes berkenaan disiasat menurut Seksyen 12(3) dan Seksyen 15(1) Akta Dadah Berbahaya 1952.

Sementara itu, Nik Ros Azhan berkata, polis menahan lima individu termasuk dua remaja perempuan dalam

serbuan kerana terlibat dalam kegiatan dadah di Machang Bubok dan Kubang Semang di sini juga pada Jumaat lalu.

Katanya, dalam serbuan pada pukul 6.45 petang di Machang Bubok, polis menahan seorang lelaki berusia 35 tahun dan dua remaja perempuan berumur 18 serta 20 tahun dalam sebuah rumah ketika sedang menghisap dadah.

"Polis merampas dadah jenis heroin dan syabu bernilai RM2,000 serta pelbagai peralatan untuk menghisap dadah bersama mereka. Mereka yang tidak bekerja itu turut positif dadah," katanya.

Beliau berkata, dalam serbuan di Kubang Semang pada pukul 12.30 tengah hari, polis menahan dua beradik berusia 17 dan 19 tahun sedang menghisap dadah dan polis merampas syabu bernilai RM500.

- Bernama



NIK ROS AZHAN